

Isi tempat kosong dengan **KATA HUBUNG** yang paling sesuai.

1. Para penduduk berdoa _____ (agar, yang, lalu) kemarau yang melanda kampung mereka akan berakhir dengan segera.
2. Hakikatnya, pelajar itu sendiri yang akan menentukan kegagalan _____ (tetapi, atau, kerana) kejayaan dalam pelajaran.
3. Zakaria sedia maklum _____ (yang, untuk, bahawa) tugas baru yang disandangnya adalah berat.
4. Salmah hendak menceritakan perkara sebenar kepada Intan _____ (kecuali, tetapi, lalu) dihalang oleh Amnah.
5. Sesi perjumpaan itu akan diadakan pada setiap malam _____ (melainkan, serta, hingga) malam Jumaat.
6. Kemalangan kanak-kanak di rumah boleh dielakkan _____ (jika, sehingga, kerana) kita menyimpan benda-benda yang tajam di tempat yang tinggi.
7. Kak Uda mengumpulkan barang-barang permainan adik _____ (yang, serta, setelah) bersepah di ruang tamu.
8. Hubungan persahabatan mereka berkekalan _____ (malahan, kerana, dan) mereka saling menghormati.
9. Pak Cik Samad menegur anaknya kerana bercakap _____ (sambil, lalu, kemudian) mengunyah makanan.
10. Mereka berkumpul di tengah padang _____ (supaya, dan, untuk) menjalani latihan bola sepak.